

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	24 October 2015

# Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri sertai solat hajat

UM - 24/10/2015

**PUTRAJAYA 23 Okt.** - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menyertai ribuan jemaah menunaikan solat Jumaat dan solat hajat bagi memohon kualiti udara di seluruh negara kembali pulih seperti sediakala di Masjid Putra di sini hari ini.

Solat Jumaat dan solat hajat itu yang dipimpin Imam Besar Masjid Putra, Abdul Manaf Mat turut disertai Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dan beberapa pemimpin kerajaan lain.

Dalam khutbah yang disampaikan Imam Besar Masjid Putra itu, beliau mengingatkan orang ramai supaya membudayakan gaya hidup lestari dengan menjaga alam sekitar melalui aktiviti gotong-royong, membuang sampah di bekas yang disediakan mengikut jenis sisa serta berjimat cermat dalam penggunaan air dan elektrik.

Katanya, sekiranya orang ramai memandang remeh usaha tersebut, kerosakan besar akan menimpa negara seperti banjir lumpur, jerebu tebal, tanah runtuh, penularan wabak penyakit dan kekurangan sumber bumi.

"Kini negara berhadapan dengan pencemaran udara dan jerebu sehingga boleh menjejaskan kesihatan masyarakat.

"Masalah yang melanda negara ini turut menyebabkan beberapa sekolah di beberapa negeri terpaksa ditutup, hal demikian bukan sahaja meresahkan para ibu bapa dan murid, bahkan menimbulkan kesulitan pihak pentadbir sekolah dalam menjalankan peperiksaan akhir tahun dan peperiksaan besar seperti Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) serta Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)," katanya dalam khutbah yang disampaikan hari ini.

Sehubungan itu, beliau menggesa supaya kesedaran menjaga kelestarian dan keselamatan alam sekitar dipupuk dari peringkat awal lagi demi kehidupan yang sihat dan selamat.

Pada masa sama, katanya, semua pihak perlu mematuhi setiap peraturan yang ditetapkan bagi mengelak berlakunya kerosakan dan kemusnahan alam sekitar.

"Selain itu, kita juga hendaklah mengguna dan menguruskan sumber alam secara bijaksana sebagai tanda mensyukuri nikmat diberikan Allah dan menjaga hak-hak makhluk secara adil bagi memastikan keseimbangan alam sekitar terpelihara," katanya.



**NAJIB TUN RAZAK** bersama jemaah mengaminkan doa solat hajat memohon agar kualiti udara akibat jerebu kembali pulih selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Putra, Putrajaya, semalam. - BERNAMA